

Siasat harga bawang merah India RM24/kg

KPDNHEP arah penguat kuasa periksa premis dapatkan maklumat, penjelasan

Oleh Siti Azila Alias dan Muhammad Mustakim Ramli
bhnews@bh.com.my

Balik Pulau: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang menyiasat dakwaan bawang merah India dijual sehingga RM24 sekilogram di Pulau Pinang.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pihaknya sudah mengarahkan kepada penguat kuasa untuk turun ke premis berkenaan bagi mendapatkan maklumat dan penjelasan sebelum mendedahkan hasil laporannya kepada orang ramai tidak lama lagi.

Katanya, tindakan segera sudah dilakukan dengan mengeluarkan notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatu-

tan (AKHAP) 2011 terhadap peniaga yang dikesan menjual bawang merah pada harga yang terlalu tinggi.

"Bekalan bawang sebenarnya mencukupi. Ada alternatif lain kerana kita bukan saja import bawang dari India tetapi dari beberapa negara lain seperti China, Pakistan, Belanda dan Mesir yang mana harganya juga lebih murah tetapi, orang kita sudah biasa dengan bawang merah India, sebab itu kita berdepan masalah kenaikan harga apabila India menghentikan eksport mereka.

"Di Pulau Pinang, laporan terakhir yang saya terima daripada Majlis Harga Barang Negara (MHBN) mendedahkan harga bawang dijual antara RM4.90 hingga RM24 yang mana ia adalah julat harga tertinggi di Malaysia.

"Kita perlu mendapatkan penjelasan kerana isunya adalah mengenai julat harga. Notis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 dikeluarkan adalah bagi membolehkan siasatan dibuat yang mana seksyen itu mengkehendaki peruncit mendedahkan dari mana dia mendapat bekalan dan juga harganya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan pembukaan pasar raya TF



Saifuddin meninjau pelbagai keperluan yang dijual selepas merasmikan pembukaan pasar raya TF Value Mart di Bandar Baru Air Putih, Balik Pulau, semalam. (Foto Shahnaz Fazlie Shahrizal/BH)

Value Mart yang ke-33 di Malaysia dan pertama di Pulau Pinang, di sini, semalam.

Sementara itu, berhubung persediaan sempena sambutan Tahun Baharu Cina, Saifuddin berkata pihaknya memberi jaminan bekalan barang mencukupi dan pengumuman skim harga maksimum bagi

**Kita perlu
mendapatkan
penjelasan kerana
isunya adalah
mengenai julat
harga.**

**Saifuddin Nasution Ismail,
Menteri Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

beberapa barangan terpilih akan dilakukan dalam masa terdekat.

"Sekarang kita dalam proses perundingan dan jumlah bekalan antara faktor yang diambil kira dan yang pasti ia mencukupi," katanya.

Pada majlis berasingan di Kulim, Saifuddin berkata penangguhan pelaksanaan Program Subsidi Petrol memberi peluang kepada kerajaan meneroka idea baharu dalam membantu rakyat terutamanya golongan B40.

Katanya, antara cadangan baharu yang boleh diketengahkan adalah pembelian barangan bersubsidi lain oleh rakyat.

"Penangguhan (PSP) ini tidak menyekat kita untuk meneroka idea baharu dan ketika ini kita sedang meneliti kaedah e-wallet sebagai satu kaedah mekanisma pembayaran program sub-

sidi petrol.

"Selain itu, boleh jadi bukan sahaja urusan pembelian petrol di pam, malah kita boleh juga kembangkan kepada pembelian barangan keperluan lain seperti tepung, minyak masak dan gula," katanya pada sidang media selepas majlis Perasmian Kad ATM MyDebit di Stesen Minyak Petron Bandar Baru Kulim.

Mengulas lanjut, Saifudin berkata, kaedah e-wallet dilihat mampu mencapai kumpulan sasar kepada rakyat kerana ia hanya dimiliki penduduk tempatan.

"Ada kebaikan penangguhan program subsidi petrol, walaupun jika tidak ditangguh sekalipun, kerajaan memang sudah bersedia. Penangguhan ini beri peluang kepada kita terus meneroka sehingga Kabinet membuat keputusan lanjut," katanya.